

Kesediaan Guru Dalam Melaksanakan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19 (Teacher's Readiness in Implementing Online Learning During the Covid-19 Pandemic)

Sivakhami K. Ganesan^{1*}, Norazah Mohd Nordin¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p112146@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.10>

Abstrak: Pembelajaran secara dalam talian (PdPc) ialah kaedah pembelajaran semasa pandemik Covid-19 yang mencabar dunia pendidikan di seluruh dunia. Mekan, tujuan kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji tahap kesediaan dan cabaran pendidik dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa pandemik. Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan serta pendekatan kuantitatif dengan gunakan borang soal selidik Google Form untuk mendapatkan data yang diperlukan untuk kajian. Populasi kajian ialah guru-guru di Malaysia, manakala sampel kajian ialah seramai 30 orang guru yang di pilih daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Baru, Melaka yang merupakan sekolah luar bandar. Data dianalisis dengan menggunakan Perisian Statiscal Package for Social Science (SPSS) versi 26 digunakan bagi menganalisis untuk nilai min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi secara deskriptif. Dapatan analisis deskriptif bagi tahap kesediaan guru sekolah rendah SJKT Ladang Sungai Baru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian adalah sederhana, manakala tahap cabaran adalah tinggi. Kesimpulannya, guru sekolah rendah luar bandar ini mempunyai kemahiran yang lemah dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian. Kajian ini memberi satu gambaran untuk pihak pentadbir bagi meningkatkan lagi kesediaan guru dan membendung cabaran guru bagi mengelakkan perkara ini berulang pada masa hadapan. Ini bermakna guru juga boleh meningkatkan potensi diri mereka dengan menyertai kursus pendidikan, latihan dan program pembangunan dalam pelbagai platform secara talian, termasuk platform komunikasi dan kolaborasi.

Kata kunci: Tahap kesediaan, tahap cabaran, guru, pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian, era pandemik.

Abstract: Online learning and facilitation is a learning trend during the Covid-19 pandemic that is a challenging the world of education worldwide. The purpose of this research is to check the level of readiness and challenges of teachers in conducting online learning and facilitation during the pandemic. This looks at changed into performed the use of a quantitative method survey design using a Google Form questionnaire to obtain the data required for the survey. The study population is teachers in Malaysia, while the study sample is a total of 30 teachers who were selected from Ladang Sungai Baru Tamil National Type School, Melaka which is a rural school. Data were evaluated using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 26 software for descriptive evaluation according to mean, standard deviation, percentage and frequency. Descriptive analysis shows that the level of readiness of SJKT

Ladang Sungai Baru primary school teachers in online learning and facilitation is moderate, while the challenge level is high. In conclusion, rural primary school teachers have poor skills in implementing online learning. Therefore, this study will give an overview to the administrators to further increase the readiness of teachers and curb the challenges of teachers. This is to prevent this from happening in the future. This means that teachers can also enhance their potential by participating in education educational courses, training and development programs through multiple online platforms, including communication and collaboration platforms.

Keywords: Level of readiness, level of challenge, teachers, online learning and facilitation, pandemic era.

1. Pendahuluan

Pendidikan telah diseru untuk beralih daripada Pdpc bersemuka kepada portal pembelajaran berasaskan dalam talian, tapak web, *You Tube*, persidangan video, aplikasi mudah alih dan teknologi lain semasa wabak Covid – 19 (Penyakit *Coronavirus*). Peralihan dramatik ini memberi impak kepada sistem pengajaran di dunia. Pada penghujung 2019, penyakit Covid - 19 merebak dari negara China, Wuhan ke seluruh dunia (Lee, 2020).

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mengarahkan penutupan sekolah dan universiti. Penyampaian guru beralih daripada pendekatan tradisional kepada penggunaan teknologi PdPc dalam talian. Penyelidikan (Rusdiana 2020) penyediaan bahan PdPc kepada pelajar masih jauh dari memuaskan kerana tahap kemahiran pendidik yang rendah. Kurang kefahaman guru semasa menggunakan *Google Classroom*, yang disokong oleh. Bukan itu sahaja, kebanyakan guru mengaplikasikan cara pengajaran tradisional (ceramah, penjelasan, latihan) serta kurang penggunaan dalam media internet bagi pengajaran PdPc secara dalam talian. Melaksanakan PdPc dalam talian yang baik merupakan rintangan untuk pendidik (Kaukab 2018).

Pembelajaran dan Pemudahcaraan dalam talian maju serta menjadi keutamaan kepada dunia pendidikan di Malaysia. Pendidikan era Covid – 19 ini, telah beralih kepada PdPc dalam talian dengan memanfaatkan banyak jenis aplikasi yang telah ada (Gunawan 2020). Persekitaran pembelajaran semasa PKP adalah sangat berbeza daripada sebelum ini, kerana PdPR berlangsung dalam talian seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom Cloud Meeting*, *Youtube* (Asbah Razali et al. 2020).

Menurut (Siddhartha 2020), PdPc dalam talian iaitu *Google Classroom* masih jarang digunakan oleh pendidik untuk meningkatkan keinginan murid dalam pembelajaran. Seterusnya, menghadapi cabaran untuk mengintegrasikan teknologi secara berkesan. Kajian juga mendapati bahawa, sehingga kini *Google Classroom*, mempunyai ciri yang baik, tetapi ramai guru masih tidak memahami sepenuhnya cara menggunakannya.

Dunia Pendidikan berubah lebih canggih bagi mengatasi rintangan negara yang membangun. Kementerian Pendidikan Malaysia membelanjakan lebih RM60 bilion melalui PPPM (2013-2025) untuk meningkatkan penguasaan ICT warga pendidik, namun potensi ini akan meningkatkan potensi guru khususnya melalui penguasaan kemahiran pengajaran dalam talian. Serentak dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), anjakan pertamanya dan anjakan keenam iaitu ‘mewujudkan kesamaan dalam penggunaan pendidikan kualiti taraf

antarabangsa dan menyediakan pendidikan teknologi (ICT) untuk memajukan taraf pengajaran di Malaysia.

Kajian ini bertujuan bagi kenal pasti persediaan pendidik dalam menjalankan PdPc secara atas talian. Kajian juga mengkaji kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat (ICT) semasa PdPc dalam talian. Kajian ini meneroka rintangan perlu diharungi oleh pendidik bagi melaksanakan PdPc dalam talian. Tinjauan ini memberi gambaran tentang keupayaan teknologi guru serta kesediaan guru dalam menyampaikan PdPc secara dalam talian. Objektif adalah bagi mengkaji tahap persediaan pendidik dalam aspek penggunaan teknologi maklumat (ICT) semasa pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian serta mengenal pasti tahap cabaran guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian.

Berdasarkan kajian ini, pengajaran dalam talian telah dilaksanakan tetapi masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditangani bagi mengelakkan isu ini timbul pada masa akan datang. Isu yang setiap kali dibincangkan dan diberi perhatian ialah cabaran dan kesediaan guru menjalankan PdPc dalam talian semasa Covid-19.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam talian ialah perubahan pendidikan Malaysia, yang merangkumi pelbagai jenis sekolah. PdPc dalam talian secara tradisionalnya berfungsi sebagai salah satu alat mengajar. Bagaimanapun, Covid – 19 merupakan masalah global yang memberi kesan, telah berlaku penutupan sekolah. Hasilnya, PdPc secara bersemuka telah berubah sepenuhnya kepada pembelajaran dalam talian. PdPc dalam talian adalah kaedah pembelajaran yang membolehkan pelajar meneruskan pembelajaran di rumah dalam persekitaran yang selamat, bukan salah satu jenis bahan yang digunakan untuk membantu guru dalam proses pendidikan. Mendapati hanya 24% guru di daerah Ranau, Sabah sanggup bersedia untuk mengajar dalam talian, ini menunjukkan tahap kurang memuaskan. Tambahan pula, guru kurang bersedia bagi melaksanakan pembelajaran dalam talian kerana kemahiran latihan, isu kekangan masa dan kekurangan rancangan bagi menambah baik kemudahan infrastruktur (Zuraida Baharuddin 2019).

Selain itu, guru tertekan dan hilang semangat bagi melaksanakan pengajaran kerana kemudahan akses internet yang sederhana, peranti teknologi dan beban kerja yang terlalu sangat. Ini termasuk persediaan untuk menggunakan pelbagai teknologi dalam talian ialah portal pendidikan dalam talian, *Microsoft Teams*, *Zoom* serta *Google Meet*. Walau bagaimanapun, melainkan integrasi teknologi secara tiba-tiba ini memberi ruang kepada guru metematik untuk bersedia bagi merancang kajian, penilaian dan pengurusan teknikal, ini nampaknya tidak praktikal.

Keputusan lain menunjukkan bahawa sebilangan murid yang tinggal di pulau serta di luar bandar, tidak mempunyai akses internet, kemudahan ICT seperti telefon bimbit atau komputer bagi berkomunikasi bersama dengan guru-guru (Kementerian Sumber Manusia 2020). Oleh itu, kajian ini dipilih bagi melihat masalah guru dalam menjalankan pengajaran dan pemudahcaraan secara atas talian serta memberi gambaran kepada pentadbiran sekolah tentang tahap kesediaan guru dalam menggunakan ICT.

1.2.1 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Menenal pasti tahap kesediaan guru dalam aspek penggunaan teknologi maklumat (ICT) semasa pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian.

- ii) Mengenal pasti tahap cabaran guru dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian.

1.2.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i) Apakah tahap kesediaan guru dalam aspek penggunaan teknologi maklumat (ICT) semasa pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian?
- ii) Apakah tahap cabaran guru dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian?

2. Tinjauan Literatur

Pengajaran dan Pemudahcaraan dalam talian (PdPc) telah membawa cabaran baharu kepada guru. Ini kerana tenaga pengajar lazim dengan pembelajaran dan pemudahcaraan secara bersemuka. Rintangan pengajaran PdPc dalam talian termasuklah penglibatan serta penyertaan pelajar (Tamilmullai Thannimalai 2021), kecekapan dan kemahiran pendidik (Losius 2020), komitmen ibu bapa sekatan serta masalah akses internet dalam penilaian pelajar.

Pendidik merupakan tulang belakang dan perlu bersedia untuk mengembangkan kompetensi diri dan profesionalisme keguruan. Cabaran juga timbul apabila pelajar atau ibu bapa kurang kemahiran ICT apabila mengakses *DELima*, *Zoom*, *Google Meet* dan pelbagai kaedah PdPR. Akibatnya, guru terpaksa meluangkan banyak masa untuk mengajar pelajar menggunakan ICT. Halangan yang terdapat adalah termasuk data jalur lebar yang tidak mencukupi, tekanan atau keletihan, batasan aspek perancangan dan penyediaan, had alat teknologi, kesediaan dan kesungguhan pendidik, (Ali 2020) nilai. Kekangan yang ada di luar pandangan seseorang guru matematik adalah kekangan melayari sumber seperti peralatan, masa, latihan dan sokongan. Disebabkan fenomena semasa, bukan sahaja guru perlu dilengkapi dengan kemahiran untuk menangani pembelajaran dalam talian, ia menunjukkan penggantian beransur-ansur amalan pembelajaran tradisional.

Dalam penyediaan bahan dan bahan pembelajaran kepada pelajar, ramai guru yang tidak mahir teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Menurut (Ngadi 2020), mereka tidak menawarkan latihan khusus untuk menyediakan guru melaksanakan pembelajaran dalam talian. Guru juga mempunyai pelbagai kebimbangan apabila ingin menggunakan kaedah kaedah pembelajaran dalam atas talian.

Seterusnya, kesukaran guru dalam mengadakan komunikasi dua hala dengan pelajar. Hasil kajian ini disokong oleh (Arifah Prima Satrianingrum 2020). Keadaan ini timbul apabila pelajar dan guru membiasakan diri dengan sesi pembelajaran secara bersemuka. Peningkatan teknologi dan pengenalan PAK 21, tidak semua guru berjaya mahir penggunaan teknologi. Ini terutamanya bagi guru yang sudah tua hanya berpegang kepada kaedah lama.

Perubahan pengajaran secara tiba-tiba ini menjadi rintangan dan pendedahan baharu kepada pendidik. Teknik penyampaian ini membolehkan guru fleksibiliti serta pilihan dalam kaedah pengajaran tertentu. Pelbagai platform maya seperti *Google Classroom*, *Telegram*, *Zoom*, *YouTube* dan *Kahoot* boleh disesuaikan untuk setiap reka bentuk PdPc. Semua pendidik bertanggungjawab untuk mengemaskini pengetahuan mereka tentang teknologi terkini bagi memudahkan proses PdPc. Oleh yang demikian, penyelidik telah menjalankan tinjauan untuk mengenalpasti kesediaan guru sekolah rendah dalam melaksanakan PdPc dalam talian.

3. Metodologi

Kaedah tinjauan telah diguna sebagai reka bentuk kajian. Tinjauan yang digunakan adalah untuk mengetahui tahap kesediaan guru dalam menjalankan PdPc dalam talian semasa pandemik Covid-19. Teknik persampelan bertujuan ini sesuai digunakan dalam kajian ini yang menggunakan penyelidikan kuantitatif. Seramai 30 orang guru daripada SJKT Ladang Sungai Baru telah digunakan sebagai sampel kajian. Instrumen berbentuk soal selidik digunakan. Soalan diadaptasi dari kajian oleh Surat (2022) dan diubah suai mengikut objektif kajian. Penyelidikan telah dijalankan di sebuah sekolah rendah harian iaitu di SJKT Ladang Sungai Baru, Daerah Alor Gajah, Melaka. 'Statistical Package for the Social Science' versi 26 digunakan bagi analisis data. Data daripada kajian rintis daripada 20 orang guru dianalisis untuk melihat nilai *alpha Cronbach*. Dalam kajian ini, nilai *alpha Cronbach* ialah .806, yang memberikan nilai kepercayaan yang tinggi.

4. Dapatan Kajian

Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data demografi iaitu seramai 30 responden. Melihat kepada taburan jantina responden, terdapat 13 lelaki (43%), 17 perempuan (57%). Responden perempuan mengatasi responden lelaki sebanyak 14%. Ini dapat dilihat bahawa responden perempuan lebih banyak berbanding lelaki. Seterusnya, dapatan responden mengikut umur guru. Peratus yang tertinggi adalah sebanyak 33.3 peratus (10 responden) antara 36 hingga 40 tahun. Bagi umur antara 21 hingga 25 tahun adalah sebanyak 20 peratus (6 responden). Bagi umur antara 26 hingga 30 tahun dan 31 hingga 35 tahun, menunjukkan sama iaitu 5 responden dan sebanyak 17 peratus. Manakala 13 peratus ialah antara umur 41 tahun ke atas iaitu 4 responden.

Seterusnya, pecahan peratus responden mengikut pengalaman mengajar guru. Peratus yang tertinggi adalah sebanyak 27 peratus (8 responden) adalah yang berpengalaman mengajar 25 tahun ke atas. Pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun menunjukkan 20 peratus (6 responden). Pengalaman mengajar 21 hingga 25 tahun menunjukkan 17 peratus (5 responden). Pengalaman mengajar kurang dari 5 tahun dan 11 hingga 15 tahun menunjukkan 13 peratus (4 responden). Manakala pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun menunjukkan 10 peratus (3 responden).

Tahap Kesediaan Dan Cabaran Guru Dalam Menjalankan PDPC Dalam Talian Semasa Pandemik Covid -19

Jadual 1 menunjukkan, min dan sisihan piawai kesediaan dan cabaran guru dalam menjalankan PdPc dalam talian semasa pandemik Covid – 19. Data yang diperolehi berkaitan tahap kesediaan guru (11 item) terhadap melaksanakan PdPc dalam talian semasa pandemik. Nilai tafsiran min adalah sederhana (min=2.90, SP=0.98). Manakala cabaran guru (6 item) untuk menjalankan PdPc dalam talian semasa pandemik. Nilai tafsiran min adalah tinggi (min=3.90, SP=0.57).

Jadual 1: Analisis Deskriptif Tahap kesediaan dan cabaran guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian.

Tahap	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Kesediaan Guru (Kemahiran)	30	2.90	0.98	Sederhana
Cabaran Guru	30	3.90	0.57	Tinggi

Tahap Kesiapan Guru Dalam Aspek Penggunaan Teknologi Maklumat (ICT) Semasa Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian.

Jadual 2 menunjukkan sembilan soalan yang skornya sederhana, dua soalan menunjukkan skornya rendah. Dapatan menjelaskan iaitu soalan “*Saya merekod kaedah dan aktiviti Pdpr dalam RPH setiap hari*” mendapat nilai min tinggi (min = 3.27, SP = 1.258). Bagi soalan “*Saya mudah untuk mengakses dan menggunakan platform digital*” menunjukkan min yang rendah (min = 2.57, SP = 1.547). Ini menunjukkan bahawa kesiapan guru dari segi aspek kemahiran penggunaan teknologi semasa pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian menunjukkan lemah. Keseluruhan skor dapatan bagi aspek kesiapan penggunaan teknologi adalah berada pada tahap sederhana (min = 2.87, SP = 0.985).

Jadual 2: Item tahap kesiapan ICT (Kemahiran)

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Biasa dengan platform digital.	11 37%	3 10%	4 13%	3 10%	9 30%	2.87	1.717	Sederhana
2	Saya mudah melayari atau menggunakan platform digital	13 43%	-	9 30%	3 10%	5 17%	2.57	1.547	Rendah
3	Kebanyakan platform digital adalah mesra pengguna dan mudah dijalankan PdPc online.	1 3%	9 30%	11 37%	4 13%	5 17%	3.10	1.125	Sederhana
4	Saya mempunyai peranti teknologi yang lengkap untuk melaksanakan PdPc online.	1 3%	10 33%	10 33%	4 13%	5 17%	3.07	1.143	Sederhana
5	Mengetahui cara menggunakan platform digital dengan cekap.	6 20%	8 27%	11 37%	2 7%	3 10%	2.60	1.192	Rendah
6	Saya secara peribadi belajar banyak dan mendapatkan bantuan orang lain bagi meningkatkan kemahiran saya dalam menggunakan peranti teknologi dan platform digital.	1 3%	9 30%	10 33%	3 10%	7 23%	3.20	1.215	Sederhana
7	Saya sediakan banyak jenis aktiviti dengan pendekatan berbeza bagi menarik perhatian murid sepanjang PdPR.	1 3%	15 50%	8 27%	3 10%	3 10%	2.73	1.048	Sederhana
8	Saya memastikan persekitaran yang	6 20%	8 27%	9 30%	1 3%	6 20%	2.77	1.382	Sederhana

	selesa sebelum memulakan sesi pembelajaran online.								
9	Saya membuat persediaan lebih awal supaya lebih bersedia terhadap sebarang kemungkinan.	9 30%	6 20%	6 20%	4 13%	5 17%	2.67	1.470	Sederhana
10	Saya merekodkan kaedah dan aktiviti PdPR setiap hari dalam (RPH).	1 3%	9 30%	9 30%	3 10%	8 27%	3.27	1.258	Sederhana
11	Saya membuat refleksi dan penilaian pengajaran selepas PdPR untuk memperbaiki kaedah pengajaran	8 27%	4 13%	9 30%	3 10%	6 20%	2.83	1.464	Sederhana
	Keseluruhan						2.87	0.985	Sederhana

Tahap Cabaran Guru Dalam Menjalankan Pembelajaran Dalam Talian.

Jadual 4 menunjukkan item bagi cabaran guru mengendalikan pengajaran semasa pembelajaran dalam talian. Hasil dapatan menunjukkan dua item mencatatkan skornya sangat tinggi. Empat soalan mencatatkan skornya tinggi. Kajian menunjukkan soalan “Kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa/penjaga” menunjukkan min tertinggi (min = 4.27, SP = 0.647). Soalan “Tidak mahir dalam penggunaan media sosial, emel dan platform pendidikan atas talian” menunjukkan min yang terendah (min = 3.63, SP = 1.245). Data keseluruhan (min = 3.90, SP = 0.573), menunjukkan skornya berada di tahap yang tinggi bagi cabaran pendidik dalam menjalankan pengajaran dalam talian.

Jadual 4: Item tahap cabaran guru

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan Pdpr semasa pandemik Covid-19	-	6 20%	4 13%	14 47%	6 20%	3.67	1.028	Tinggi
2	Sukar mewujudkan komunikasi dua hala.	-	-	7 23%	18 60%	5 17%	3.93	0.640	Tinggi
3	Tidak rangkaian internet yang stabil	1 3%	-	-	19 63%	10 33%	4.23	0.774	Sangat tinggi
4	Tidak kemudahan telefon pintar, komputer riba, tablet atau sebarang peranti.	2 7%	1 3%	7 23%	14 47%	6 20%	3.70	1.055	Tinggi
5	Kurang mahir dalam menggunakan media sosial, emel dan platform pendidikan atas talian.	-	10 33%	-	11 37%	9 30%	3.63	1.245	Tinggi
6	Kurang sokongan pembelajaran daripada ibu bapa / penjaga	-	-	3 10%	16 53%	11 37%	4.27	0.640	Sangat tinggi
	Keseluruhan						3.90	0.573	Tinggi

5. Perbincangan Kajian

5.1.1 Tahap kesediaan guru dalam aspek penggunaan teknologi maklumat (ICT) semasa pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian

Guru mesti sentiasa bersedia dan melengkapkan diri untuk mempertingkatkan kemahiran bagi melaksanakan proses pengajaran dengan menggunakan pendekatan *real time* dan tidak segerak. Ini adalah untuk mengelakkan atau menangani isu-isu tersebut pada masa hadapan. Kenyataan ini disokong oleh Amalina (2018), mendapati untuk berjaya, guru mesti sentiasa meningkatkan kemahiran dan bersedia untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran guru dengan teknologi yang berkembang dan keperluan semasa.

Kajian (Wok 2018), mendapati sehingga 80% pendidik kurang pengalaman secukupnya dalam penggunaan pelbagai strategi serta pendekatan PdPc. Kajian lepas ini mendapati guru kurang bersedia untuk menyampaikan pengajaran menggunakan strategi pengajaran yang sesuai, yang boleh menjajaskan kesediaan pelajar untuk memperoleh ilmu apabila PdPR dalam talian dilaksanakan ditunjukkan.

5.1.2 Tahap cabaran guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian.

Data ini menunjukkan bahawa guru menghadapi cabaran besar apabila kestabilan internet hilang semasa kelas dijalankan. Ini kerana kebanyakan guru menggunakan internet telefon. Kawasan tempat tinggal guru juga menyumbang kepada masalah capaian internet.

Seterusnya, guru juga berjuang untuk mencapai komunikasi dua hala dengan pelajar. Hasil kajian ini disokong oleh (Arifah Prima Satrianingrum 2020). Menurut (Lapada 2020), situasi sedemikian timbul apabila pelajar dan guru membiasakan diri dengan sesi pembelajaran secara bersemuka. Dengan peningkatan teknologi dan pengenalan PAK 21, tidak semua pendidik mahir dalam penggunaan teknologi. Ini bagi guru yang lama serta yang sudah tua sahaja menjalankan kaedah tradisional.

Di sebalik pelbagai cabaran, pembelajaran dalam talian disokong oleh (Losuis, 2020) dan guru bukan sahaja dilengkapi dengan kemahiran untuk menghadapi pembelajaran dalam talian kerana fenomena semasa, namun keadaan ini perlahan-lahan mengambil alih kaedah pembelajaran tradisional.

Jurang penyampaian internet antara bandar dan luar bandar masih sangat besar iaitu mencecah nisbanya 70:30. Oleh itu, keadaan semasa lebih memihak kepada para pendidik dan murid yang bermaustatin di bandar, mempunyai akses mudah kepada semua teknologi. Seterusnya, guru perlu memahami bahawa semasa pembelajaran dalam talian ini, media dan peranti komunikasi tidak lagi menjadi keinginan, tetapi satu keperluan dan sebahagian daripada kehidupan, yang akan menjadi sangat penting. Kekurangan peranti ini, isu peralatan yang kurang mencukup dan akses internet yang tidak stabil menjadi masalah dalam proses PdPR yang perlu dilakukan dengan betul.

5.2 Implikasi Kajian

Pdpc bukan sahaja berlaku secara fizikal (dalam biliik darjah), tetapi telah berkembang menjadi pengajaran secara dalam talian atau secara maya. Selain itu, memandangkan Kementerian Pendidikan Malaysia menjalankan kursus latihan untuk guru di IPG, guru boleh menghadiri kursus pendidikan, latihan dan program pembangunan dapat meningkatkan potensi seseorang guru melalui beberapa platform dalam talian termasuk platform komunikasi dan kolaborasi

terpadu seperti *Microsoft Teams*, *Google Classroom*, *Canva* dan *Blackboard*. Seterusnya, bagi JPN dan sekolah, melalui kajian ini mereka boleh melihat tahap kemahiran guru mengikut usia dan boleh memperbanyakkan bengkel ICT bagi menangani masalah ini. Pihak JPN juga boleh berkoleberasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dengan memperluaskan peluang dalam menimba ilmu dengan menyertai pertandingan inovasi dan pertandingan ICT bagi meningkatkan kemahiran guru untuk mengatasi kekurangan pengetahuan ICT mereka.

5.3 Cadangan Kajian Masa Depan

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini hanya terumpu kepada sebuah sekolah sahaja iaitu SJKT Ladang sungai Baru, Melaka. Pengumpulan data juga berlaku di kawasan luar bandar. Oleh itu, akan datang dicadangkan untuk menggumpul data di beberapa sekolah luar bandar dan bandar dan membandingkannya dengan dapatan yang diperoleh dalam kajian ini.

5.4 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap kesediaan dan cabaran pendidik dalam melaksanakan PdPc dalam talian semasa Covid-19. Pandemik Covid -19 telah mengubah Pdpc di semua institusi pendidikan di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali. Sebelum Covid-19 ini, 90% Pdpc bersemuka (*face to face*) tetapi, selepas Covid muncul ia bertukar kepada Pdpc dalam talian (*full online*). Guru menghadapi pelbagai cabaran seperti masalah internet, tahap kesediaan mengajar secara online secara tiba-tiba, suasana pengajaran yang terbeza dan masalah mengendalikan Pdpc. Hasil kajian menunjukkan bahawa cabaran untuk menyampaikan pendidikan adalah tinggi dan kesediaan untuk mengajar dalam talian adalah sederhana. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mempertingkatkan lagi proses pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian. Ini memudahkan guru memahami dan meningkatkan kemahiran untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian pada masa hadapan.

Rujukan

- Ali, W. (2020). Online and remote learning in higher education institutes: A necessity in light of COVID-19 pandemic. . *Higher Education Studies*, 10(3), 16–25. .
- Arifah Prima Satrianingrum, I. P. (2021). Persepsi Guru Dampak Pandemi Covid-19 terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Daring di PAUD. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, vol 5, no 1.
- Asbah Razali, F. A. (2020). Cabaran Masyarakat Hari Ini: Malaysia Dalam Menghadapi Perubahan Sosial Dan Revolusi Industri 4.0. Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Gunawan, G. S. (2020.). Variations of Models and Learning Platforms for Prospective Teachers During the COVID-19 Pandemic Period. . *Indonesian Journal of Teacher Education* , 1(2): 61-70.
- Kaukab, A. (2018). Effectiveness of Google Classroom: Teachers' perceptions. *Prizren Social Science Journal* , 2(2): 52-56.
- Lee, A. (2020). Wuhan Novel Coronavirus (COVID-19): Why Global Control is Challenging? *Public Health* , 179: A1-A2.
- Losius Goliong, A. K. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).. . *Pejabat Pendidikan Daerah Ranau*. .
- Malaysia, K. P. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kuala Lumpur.
- Ngadi. (2020). "Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran atas talian."

- Nor Amalina, A. H. (2018). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan Dan Sikap Guru Terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) Dalam Mata Pelajaran Sains . Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan. .
- Rusdiana, A. A. (2020). POE2WE learning management based on Google Classroom blended learning. *Internasional Journal of Psychosociaal Rehabilitation* , 24 (8) : 1475-7192.
- Siddhartha, B. (2020). Google Classroom for techno-savy teacher and students. *Studies In Indian Place Names. (UGC Care Journal)* , 40(57): 96-101.
- Surat, N. H. (2022). Minat dan Motivasi Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Interaktif dalam Pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Tamilmullai Thannimalai, S. B. (2021). Cabaran PDPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar [Challenges of Tamil language PDPR in rural schools] . *MJSSH*.
- Wok, M. S. (2018). Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pembelajaran.
- Zuraida Baharuddin, S. J. 2019. The Role of teacher Readiness as Mediator in the Development of ICT Competency in Pahang Primary School. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*.Volume 2(1).